PRAKTIS FORMATIF



Bahagian A

Jawab semua soalan.

Nama : _____

Kelas : _____

1. Mengapakah kita perlu bersikap jujur terhadap ahli keluarga?

(A) Supaya dibenci oleh adik-beradik yang lain

(B) Supaya dipercayai oleh ahli keluarga

(C) Supaya dipuji oleh ibu bapa

(D) Supaya diberi wang saku oleh ahli keluarga

2. Sekiranya kita mengamalkan sikap jujur, semua orang akan _____ kita.

(A) menghormati

(B) menghina

(C) membenci

(D) mentertawakan

3. Antara berikut, yang manakah amalan bersikap jujur terhadap ahli keluarga?

(A) Menggunakan kata-kata yang sopan apabila berbual dengan ibu bapa

(B) Mengaku bersalah dan meminta maaf

(C) Bergaduh dengan abang

(D) Membantu ibu mengemas rumah

4. Antara berikut, yang manakah kepentingan bersikap jujur terhadap ahli keluarga?

(A) Dapat menjadikan diri seorang yang sombong

(B) Keluarga yang bahagia akan terbina

(C) Diragui oleh ibu dan bapa

(D) Dipandang hina oleh ahli keluarga

Situasi berikut berkaitan dengan amalan kejujuran dalam keluarga.

Kamu telah menumpahkan air di sofa. Ibu telah memarahi adik kamu.

5. Berdasarkan situasi tersebut, apakah tindakan kamu?

(A) Membiarkan ibu memarahi adik

(B) Mengakui kesalahan kamu

(C) Mentertawakan adik

(D) Mengugut adik agar tidak memberitahu ibu

LIVEWORKSHEETS